

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KUALITI ALAM SEKELILING
MENGENAI LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA DI
SELURUH MALAYSIA**

Merujuk kepada situasi keadaan berjerebu yang melanda negara sejak 5 September 2019 sehingga kini, dengan kuasa yang diperuntukkan kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling di bawah Seksyen 29AA(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, dengan ini diberitahu bahawa kawasan-kawasan di seluruh Malaysia sebagai kawasan larangan pembakaran terbuka **KECUALI** pembakaran mayat, pembakaran bagi tujuan keagamaan, gril / barbeku dan pembakaran gas mudah terbakar (*flaring*) berkuatkuasa **SERTA - MERTA** sehingga Monsun Barat Daya berakhir. Mereka yang disabitkan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Berikutnya dengan pengumuman ini, semua pihak diminta tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Di samping itu, orang ramai di seluruh negara juga diminta untuk memberi kerjasama untuk memadamkan kebakaran kecil serta membuat pelaporan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Alam Sekitar bagi sebarang aktiviti pembakaran terbuka yang dikesan, melalui talian telefon seperti berikut:

Jabatan Alam Sekitar : 03-8889 1972/ 1-800-88-2727

Jabatan Bomba dan Penyelamat : 999



NORLIN BINTI JAAFAR

KETUA PENGARAH KUALITI ALAM SEKELILING

11 September 2019